

SPRM terima 3,720 maklumat rasuah di seluruh negara

Johan Aziz

KENINGAU: Sebanyak 3,720 daripada 5,732 maklumat diterima Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di seluruh negara dari Januari hingga Oktober tahun ini adalah berkaitan rasuah manakala 2,012 tidak dikaitkan dengan rasuah, kata Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Bakri di sini.

Beliau berkata, sebanyak 1,554 kertas siasatan, KPA, kertas risikan dibuka.

Terdapat 1,252 tangkapan, 410 pertuduhan dan 208 sabitan.

"Sebanyak 3,173 maklumat penjawat awam diterima dan 547 daripadanya atau 43.4 peratus melibatkan tangkapan.

"Kategori penjawat awam yang ditahan ialah pengurusan tertinggi yang terdiri daripada sembilan pengurusan dan 181 profesional," katanya selepas perasmian Pejabat SPRM Cawangan Keningau pada Sabtu.

Azam berkata, seramai 185 penjawat awam telah didakwa dan 544 penjawat awam masih dalam siasatan - 275 kerana menerima rasuah, memberi rasuah (enam), tuntutan palsu (129), salah guna kuasa (74), di bawah Seksyen lain (42.), Amla (17), KK (satu), 84 sabitan.

"Ini hampir 50 peratus, yang masih tinggi kerana kalau kita nak kata rasuah dalam kalangan penjawat awam, sepatutnya di bawah 40 peratus dan akan menu run dari tahun ke tahun," katanya.

"Isu rasuah melibatkan jabatan kerajaan masih perlu ditangani dengan lebih teliti, kerap dan giat kerana penjawat awam bertanggungjawab meluluskan dana kerajaan kepada rakyat. Kita harap



DARI kanan, Azam, Jauteh dan Karunanithy menikmati keselesaan van baharu SPRM Cawangan Keningau.

dana ini tidak disalahgunakan," katanya.

Beliau menggesa penjawat awam menjaga integriti dan meningkatkan penyampaian kepada rakyat dengan lebih berkesan dan berharap kenaikan gaji yang diumumkan kerajaan menjadi jaminan kepada penjawat awam untuk bekerja lebih gigih lagi bagi meningkatkan lagi perkhidmatan mereka kepada masyarakat.

"SPRM tidak terkecuali menyelesaikan isu rasuah dan salah guna kuasa yang dibangkitkan masyarakat.

"Nasihat saya mudah sahaja. Kita perlu meningkatkan integriti kita sebagai pen-

jawat awam seperti yang dinyatakan dalam ikrar perkhidmatan awam, janji kita kepada masyarakat dan kerajaan semasa kita mula-mula memasuki perkhidmatan awam dan janji kita kepada diri sendiri dan taat setia kepada agama masing-masing," katanya.

Azam berharap seluruh masyarakat khususnya di kawasan bandar dan luar bandar daerah ini sudah biasa dengan isu semasa.

Beliau berkata mereka perlu mendapatkan penjelasan daripada pegawaiannya dan memberi jaminan jika ia adalah maklumat mengenai rasuah jabatan itu akan

melindungi identiti mereka.

"Saya amat mengharapkan kerjasama yang lebih erat dengan masyarakat supaya kita dapat bertindak dengan lebih berkesan," katanya.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Jauteh Dikun; Setiausaha Persekutuan Sabah, Dato' Seri Haji Rosli Isa; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Indera Junipah Wandi; Pengarah SPRM Sabah, Datuk Karunanithy A/L Y. Subbiah; Pegawai Daerah, Peter Jonu Moinjil; Ketua SPRM Cawangan Keningau, Superintendant Mohd Iskandar Rizman; Ketua Polis Daerah, Superintendant Yampil Anak Garai, Pengarah SPRM Bahagian dan Negeri.

SPRM telah menaik taraf Pusat Penyerangan SPRM di daerah ini menjadi Pejabat SPRM cawangan Keningau dalam usaha meluaskan perkhidmatan di samping memudahkan masyarakat setempat.

Pejabat SPRM Cawangan Keningau Sabah meliputi Tambunan, Keningau, Sook, Nabawan, Pensiangan serta Tenom, Sipitang dan Beaufort.

Orang ramai yang ingin menyalurkan sebarang maklumat berkaitan rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa boleh datang ke pejabat atau menghubungi talian 087-336761 atau faks 087-336763.

Pejabat SPRM Cawangan Keningau diketuai Supt Mohd Iskandar Rizman dan akan melaporkan terus kepada Pengarah SPRM Sabah, Datuk Karunanithy A/L Y. Subbiah.